

Penggunaan kad kredit bijak bantu capai kebebasan kewangan

RAMAI beranggapan memiliki kad kredit akan membawa seseorang terjerumus ke dalam peringkat hutang.

Memang ada kebenarannya kenyataan ini sekiranya pemilik kad kredit tidak mengetahui perkara asas yang perlu diketahuinya apabila dia membuat keputusan untuk memiliki 'wang plastik' ini.

Justeru, sebelum anda membuat keputusan untuk memiliki kad kredit pastikan anda mengetahui apakah pengetahuan asas yang perlu difahami sebelum melakukan pembelian sulung menggunakan kad kredit anda.

Mastercard, jenama kad kredit terkemuka global menyarankan pengguna supaya menjadi peminjam yang baik, tahu bagaimana hendak mengelakkan penipuan kad kredit dan tahu apakah yang perlu dilakukan supaya mereka

patuh kepada bajet yang ditetapkan.

Jika mengikut disiplin penggunaannya, kad kredit boleh menjadi alat yang dapat membantu seseorang mencapai kebebasan kewangan apabila ia digunakan dengan bijak.

Apabila pengguna menggunakannya seperti yang sepatutnya dan bijak, kad kredit atau pinjaman ini boleh membantu mereka mencapai matlamat kewangan jangka pendek dan sederhana seperti bagi tujuan menyewa apartmen, membeli kereta malah membeli rumah.

Jadi apakah perkara asas yang perlu diketahui oleh seseorang itu mengenai pinjaman kad kredit ini?

Antara perkara asas yang perlu diketahui adalah:

1. Mengetahui kos tersembunyi

Apabila memohon kad kredit, jangan hanya melihat kepada yuran tahunan.

Terdapat beberapa kos atau bayaran tersembunyi lain yang boleh meningkatkan kos pemilikan kad kredit ini dalam jangka panjang seperti:

a) Bayaran lewat

Kebanyakan kad mengenakan bayaran jika pembayaran lewat diterima. Biasanya, pengeluaran kad telah menetapkan yuran khusus, manakala sesetengah yang lain mengenakan caj berdasarkan jumlah pinjaman tertunggak yang ada pada kad itu. Jadi ingat, membayar yuran lewat hanya sebanyak dua kali setahun boleh menyebabkan anda terpaksa menanggung kos yang lebih tinggi daripada bayaran yuran tahunan.

Disebabkan itu, bayar mengikut masa yang di-

tetapkan.

b) Bayaran bagi caj melebihi had kredit

Jika anda menggunakan kad melebihi had kredit, kebanyakan pengeluaran kad akan mengenakan caj tertentu iaitu kira-kira lima peratus ke atas jumlah penggunaan yang telah melebihi had kredit itu.

c) Bayaran kad hilang

Sesetengah bank pengeluaran kad kredit mengenakan caj di atas kehilangan dengan kadarnya berlainan antara bank. Jadi, pastikan supaya kad kredit anda sentiasa berada bersama anda supaya tidak perlu membayar caj ini.

2. Menjadi peminjam yang baik

Untuk menjadi peminjam yang baik supaya tidak terpaksa menanggung kos faedah yang tinggi, sentiasa membayar



bil mengikut masa yang ditetapkan.

Pastikan juga anda sentiasa memastikan baki pinjaman sentiasa rendah supaya kadar caj yang dikenakan ke atas baki ini juga lebih minimum.

3. Dapatkan maklumat

mengenai penggunaan kad kredit daripada bank pengeluar

Maklumat asas ini termasuklah apakah yang perlu dilakukan apabila kad kredit hilang, siapa yang perlu dihubungi dan apakah jaminan yang diberikan bank jika perkara

sebegini berlaku. Meskipun ia dianggap mudah tetapi sebenarnya jika anda tidak mengetahui nombor telefon yang patut dihubungi bagi membatalkan kad kredit anda, kemungkinan besar ada orang lain boleh menggunakan kad anda itu.